

**HAK PEKERJA DAN TANGGUNGJAWAB MAJIKAN
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Oleh

Dr. Akli bin Ahmad

Dekan Kulliyah Syariah dan Undang-undang, UniSHAMS

Abstrak:

Pekerja dan majikan adalah dua pihak yang secara lazimnya saling memerlukan dalam menjayakan sesuatu organisasi. Masing-masing mempunyai hak dan tanggungjawab yang mesti ditunaikan semasa dalam tugas. Seseungguhnya Islam adalah agama sempurna yang merangkumi semua aspek kehidupan. Bermula daripada bangun tidur hingga kepada tidur dan hal pentadbiran negara. Bekerja adalah antara ikhtiar manusia meneruskan kehidupan dengan lebih sempurna. Konsep dan nilai murni dalam pekerjaan amat dititikberatkan oleh Islam¹. Setiap pekerja mempunyai hak masing-masing selain tanggungjawab yang mesti ditunaikan, Sebagaimana Islam juga menitikberatkan tanggungjawab majikan dalam menjaga hak dan kebajikan pekerja. Ia adalah hak dan tanggungjawab yang diperintah dalam Islam ke atas setiap kedua-dua pihak. Ia bagi menjamin kemaslahatan kedua-dua pihak dalam melaksanakan tugas masing-masing agar ia da budaya kerja yang kondusif serta menghasilkan produktiviti maksima yang berkualiti. Pengabaian terhadap hak pekerja adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman. Demikian juga pekerja yang mengabaikan tanggungjawab kerja yang diberikan juga adalah satu kesalahan. Islam mengiktiraf hak dan tanggungjawab sehingga semuanya dihitung di akhirat. Majoriti negara dunia menetapkan bahawa 1 Mei² sebagai Hari Pekerja (Hari Buruh Antarabangsa) sebagai pengiktirafan terhadap kepentingan sektor pekerjaan untuk kemakmuran duniawi. Sesuatu yang mesti diyakini ialah pekerjaan dalam Islam adalah ibadah umum yang diberikan ganjaran di akhirat kelak. Justeru ia memberi maksud bahawa pekerjaan

¹ - Nabi SAW telah bersabda:

« إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ »

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu kerja, dia laksanakan dengan cemerlang*”. (al-Baihaqi, Syu’ab al-Iman: 4929, 4930 dan 4931).

² - **Hari Buruh Antarabangsa** juga merupakan cuti [antarabangsa](#) yang diraikan pada 1 Mei dalam memperingati kejayaan [pergerakan buruh](#) pada [1886 Mogok Haymarket](#) di [Chicago, Illinois](#). Negara-negara lain selain daripada [Amerika Syarikat](#) dan [United Kingdom](#), di mana bentuknya mungkin berbeza dari segi konotasi. Hari 1 Mei biasanya dirujuk sebagai dirujuk sebagai [Hari Buruh](#). Dalam kebanyakan tempat di dunia, residen [keas bekerja](#) melawan keras untuk menjadikan Hari Mei ini suatu [keranda](#)-yang dikenali hari ini. [Kanada](#), [Amerika Syarikat](#), [Australia](#), dan [New Zealand](#) meraikan Hari Buruh pada tarikh lain, yang mana ia bergantung kepada sejarah asal untuk meraikan bagaimana cuti berkenaan wujud pada tarikh tersebut. sila lihat [Hari Setia \(Loyalty Day\)](#) dan [Hari Undang-undang \(Law Day\)](#).

duniawi bukan hanya untuk mendapat kebaikan di dunia sahaja tetapi ia akan dinilai oleh Allah SWT serta diganjarkan di akhirat kelak. Semoga kertas yang disediakan ini memberikan kefahaman dan pencerahan dalam setiap tindak-tanduk setiap pekerja.

Galakan Untuk Bekerja

Islam menggalakkan manusia untuk bekerja dalam meneruskan kehidupan. Namun penekanan terhadap punca rezeki atau mata pencarian yang halal adalah menjadi kewajipan kepada seluruh umat Islam. Hal ini demikian kerana, setiap apa yang menjadi pendapatan atau apa sahaja yang berkaitan dengan kehidupan manusia akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT di akhirat kelak.

Galakan untuk berusaha untuk mencari sumber rezeki yang halal juga dapat dilihat berdasarkan kepada hadith-hadith berikut:

Allah SWT berfirman:

(وَقُلِ اعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَالَمِ الْغَيْبِ
وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ)

Maksudnya: Dan Katakanlah (Wahai Muhammad): Beramalah kamu (akan Segala Yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang Yang beriman akan melihat apa Yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang mengetahui perkara-perkara Yang ghaib dan Yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa Yang kamu telah kerjakan". (al Taubah, 105)

Rasulullah SAW bersabda:

« لَا تَزُولُ قَدَمَا ابْنِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عِنْدِ رَبِّهِ حَتَّىٰ يُسْأَلَ عَنْ
خَمْسٍ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْتَاهُ وَعَنْ شَبَابِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ وَمَالِهِ مِنْ أَيْنَ
اِكْتَسَبَهُ وَفِيمَ أَنْفَقَهُ وَمَاذَا عَمِلَ فِيمَا عَلِمَ »

Maksudnya: "Kaki anak Adam akan tetap tegak berdiri di sisi Tuhannya pada hari Kiamat, hingga dia ditanya tentang lima perkara (iaitu): tentang umurnya untuk apa dia habiskan, tentang masa mudanya untuk apa dia gunakan, tentang hartanya dari

mana dia dapatkan, dan dalam hal apa (hartanya tersebut) dia belanjakan dan apa sahaja yang telah dia lakukan dari ilmu yang dimilikinya.” (Riwayat al-Tirmizi, 2416)

Rasulullah SAW bersabda:

« مَنْ طَلَبَ الدُّنْيَا حَلَالًا اسْتِعْظَفًا عَنِ الْمَسْأَلَةِ وَسَعِيًّا عَلَىٰ أَهْلِهِ
وَتَعَطُّفًا عَلَىٰ جَارِهِ بَعَثَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَوَجْهُهُ كَالْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ.
وَمَنْ طَلَبَ الدُّنْيَا حَلَالًا مُكَاثِرًا مُفَاخِرًا مُرَائِيًّا لَقِيَ اللَّهَ تَعَالَىٰ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضَبَانٌ »

Maksudnya: “Siapa yang mencari dunia yang halal untuk menjauhkan diri dari berminta-minta, dan usaha untuk keluarganya dan untuk baik dengan tetangganya, akan dibangkitkan oleh Allah pada hari kiamat dengan mukanya bagaikan bulan purnama, dan siapa yang mencari dunia halal untuk memperbanyak, berbangga dan sombong, akan bertemu dengan Allah pada hari kiamat sedang Allah murka padanya.” (Riwayat Ahmad, 2/436).

Antara intipati yang dapat diambil daripada dalil-dalil di atas ialah:

- Bekerja merupakan perkara yang dituntut dalam Islam. Ini menunjukkan bahawa kita perlu berusaha untuk meneruskan kehidupan.
- Dengan modal insan dan nilai murni, pekerja dapat melaksanakan tanggungjawab dengan penuh kreatif, inovatif dan bermutu. Ini kerana dengan tahap disiplin yang tinggi sudah tentu dapat menghasilkan produktiviti dan perkhidmatan yang cemerlang. Islam menentang keras budaya malas, ponteng kerja dan juga sikap sambil lewa dalam melaksanakan sebarang tugas yang diamanahkan. Ini kerana, dengan sikap seperti itu kegagalan dan juga kemunduran pasti menguasai kehidupan mereka, bahkan memberi kesan kepada negara untuk mencapai wawasan yang gemilang.

Justeru, beberapa langkah seperti memotivasikan pekerja, melihat teladan pekerja yang berjaya di samping semangat dan ruh ‘pekerjaan sebagai satu ibadat’ perlu dijadikan motto atau misi oleh setiap pekerja.

Pujangga ada menyebut:

- *“Carilah rezeki yang halal, dan jauhi rezeki yang haram. Hindarkan dirimu untuk mengemis kepada yang lain. Berdagang itu lebih baik daripada menjadi pegawai. Gunakan duitmu untuk berdagang, dan hiduplah dengan sederhana.”*
- *“Jika anda menikmati kerja-kerja yang produktif, maka saraf anda akan mengendur, jiwa anda akan tenang dan lautan ketenangan akan menenggelamkan anda.”*

Hak Pekerja

Selepas dijelaskan berkenaan dengan kelebihan dan galakan bekerja sama ada dalam bidang perladangan, perniagaan, sebagai nelayan, pendidikan, pasukan keamanan dan keselamatan seperti tentera, polis dan pekerjaan di sektor kerajaan atau swasta dan lain-lain lagi. Namun yang paling utama ialah, apabila kita bekerja, pastikan kerja tersebut adalah halal dan menepati syariat Islam.

Berkenaan dengan hak pekerja yang mesti diberikan oleh majikan, antara lain ialah:

1. Gaji yang telah dijanjikan dan dipersetujui bersama. Ia hendaklah dibayar mengikut terma perjanjian secara segera bila sampai masa yang dijanjikan.

Nabi SAW bersabda:

«أَعْطُوا الْأَجِيرَ أَجْرَهُ ، قَبْلَ أَنْ يَجِفَّ عَرْفُهُ»

Maksudnya: *“Berikanlah upah pekerja (buruh), sebelum kering peluhnya.”* (Riwayat Ibn Majah, 2443)

Imam al-Munawi berkata: *“Haram hukumnya menunda gaji pekerja jika tiada kekangan untuk disegerakan. Perintah untuk menyerahkan gaji sebelum mengering peluh para pekerja adalah satu kiasan atas wajibnya menyegerakan setelah pekerjaan mereka selesai, walau para pekerja memintanya meskipun belum sampai berpeluh, atau berpeluh dan telah kering.”* (Lihat *Faidh al-Qadir*, 1/718)

Walaupun demikian penggajian boleh juga berdasarkan persetujuan sama ada ia dibayar secara harian, mingguan atau bulanan. Ada juga dibayar dalam bentuk sekaligus dan ada juga yang mengikut jam bekerja. Jika ianya telah dipersetujui, maka ia hendaklah ditunaikan mengikut persetujuan tersebut. Islam sangat menitikberatkan kebajikan seorang pekerja serta memberi peringatan keras terhadap majikan yang menzalimi pekerjanya.

Nabi SAW meriwayatkan bahawa Allah SWT berfirman:

«ثَلَاثَةٌ أَنَا خَصْمُهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ... وَرَجُلٌ اسْتَأْجَرَ أَجِيرًا فَاسْتَوْفَى مِنْهُ وَلَمْ يُعْطِ أَجْرَهُ»

Maksudnya: “Terdapat tiga golongan yang akan menjadi musuh-Ku pada hari Kiamat... (salah satunya ialah) orang yang mempekerjakan orang lain, namun setelah orang tersebut memenuhi tugasnya, upahnya tidak dibayarkan. (Riwayat al-Bukhari, 2227)

Imam al-Subki dalam fatwanya menyebut:

«وَالرَّجُلُ الَّذِي اسْتَأْجَرَ أَجِيرًا مُسْتَوْفٍ عَمَلَهُ وَلَمْ يُعْطِهِ أَجْرَهُ بِمَنْزِلَةِ مَنْ اسْتَعْبَدَ الْحُرَّ وَعَطَّلَهُ عَنْ كَثِيرٍ مِنْ نَوَافِلِ الْعِبَادَةِ فَيُشَابِهُ الَّذِي بَاعَ حُرًّا فَأَكَلَ ثَمَنَهُ فَلِذَلِكَ عَظُمَ ذَنْبُهُ»

Maksudnya: “Seseorang yang mengupah orang lain bekerja, kemudian orang tersebut telah menunaikan tugasnya dengan baik, namun dia tidak memberikan upahnya, adalah sama seperti orang yang menghambakan manusia merdeka. Dia menghalang orang lain untuk memperbanyakkan ibadah-ibadah sunnah. Maka ini sama sahaja dengan orang yang menjual manusia merdeka kemudian memakan hasilnya. Ini adalah dosa yang sangat besar.” (Lihat Fatawa al-Subki, 2/377)

2. Kemudahan kesihatan pekerja juga perlu diambil kira melalui caruman takaful dan sebagainya. Lagi baik jika kesitimewaan ini diberikan bersekali dengan ahli keluarga pekerja seperti yang diamalkan oleh banyak pihak samada kerajaan atau swasta.

3. Hak untuk berpersatuan bagi membela dan memperjuangkan hak pekerja hendaklah dibenarkan selama mana tidak membawa kepada unsur kemudharatan kepada pihak majikan dan sebagainya.
4. Tidak membebankan pekerja di luar kemampuannya sehingga menyebabkan seseorang itu tidak mampu melakukan tugas dengan sebaiknya. Jika terpaksa dilakukan, maka bantulah mereka.

Nabi SAW bersabda:

« وَلَا تُكَلِّفُوهُمْ مَا يَغْلِبُهُمْ، فَإِنْ كَلَّفْتُمُوهُمْ فَأَعَيْنُوهُمْ »

Maksudnya: “Janganlah kamu membebankan mereka (hamba) apa yang tidak terdaya mereka lakukan, dan jika kamu memberikan tugas kepada mereka, bantulah mereka.” (Riwayat al-Bukhari, 30)

Imam Nawawi berkata: Ganti nama (*dhomir*) pada perkataan mereka (*hom*) adalah saudara-saudara kamu. Mereka ialah hamba yang kamu miliki dan diperintahkan memberi makan kepada mereka sama seperti apa yang dimakan oleh kamu. Begitu juga memberi pakai mengikut pakaian majikan dengan maksud sunat seperti itu, bukan satu kewajiban. Ini adalah dengan ijma'. Adapun apa yang dilakukan oleh Abu Zar RA dengan pakaian yang sama seperti hambanya, adalah atas hokum sunat. Tetapi yang wajib atas majikan ialah memberikan nafkah kepada hamba yang dimilikinya, makanan, minuman dan pakaiannya mengikut uruf sesebuah negeri dan keadaan seseorang itu. Secara umumnya, ijma' ulama memutuskan bahawa haram membebankan seseorang dengan pekerjaan yang di luar kemampuannya. (Lihat al-Minhaj Syarh Sahih Muslim ibn al-Hajjaj, 11/113)

5. Pangkat dan kenaikan gaji hendaklah dilakukan seadil-adilnya dan bukan melalui cara pilih kasih tetapi mengikut kelayakan setiap pekerja. Untuk tujuab ini, dicadangkan sebuah badan atau unit khas berautoriti untuk menilai kemampuan dan kebolehan serta kelayakan pekerja untuk dinaikkan pangkat berdasarkan polisi dan kriteria tertentu.
6. Hak untuk berehat atau cuti mengikut persetujuan dan terma perjanjian antara mereka. Jika ia sudah disepakati, maka ia hendaklah ditunaikan mengikut persetujuan serta tidak boleh memungkirinya melainkan ada penegcualian yang dibenarkan.

Nabi SAW bersabda:

« الْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ »

Maksudnya: “Umat Islam wajib mematuhi persyaratan yang telah mereka sepakati.” (Riwayat Abu Daud, 3594 dan al-Tirmizi, 1352).

Al-‘Azim Abadi ketika mensyarahkan hadis ini, berkata: “*Iaitu mereka tetap (dengan perjanjian yang telah dilakukan) dan tidak berpatah balik.*” (Lihat ‘Aun al-Ma’bud Syarh Sunan Abi Daud, 10/26)

7. Memberi peluang kepada pekerja untuk menambahkan lagi skil dan kemahiran agar benar-benar menepati dan mencapai ke tahap profesional atau pekerja mahir. Ini kerana sudah pasti memberi pulangan yang baik kepada syarikat, majikan dan juga negara.

8. Melayani pekerja dengan baik serta tidak bersikap kasar dan zalim sehingga melakukan kekasaran fizikal kepada pekerja. Nabi SAW tidak pernah melakukan kekasaran kepada orang bawahannya.

Saidatina Aisyah R.Anha menceritakan:

(مَا ضَرَبَ رَسُولُ اللَّهِ شَيْئًا قَطُّ بِيَدِهِ وَلَا امْرَأَةً وَلَا خَادِمًا)

Maksudnya: “Rasulullah tidak pernah memukul dengan tangannya sedikit pun, tidak kepada wanita dan tidak kepada hamba (pekerja).” (Riwayat Muslim, 2328)

Al-Nawawi berkata: “*Dalam hadis ini terdapat anjuran untuk memaafkan dan bersikap lemah lembut.*” (Lihat al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim Ibn al-Hajjaj, 8/37)

Sikap Majikan yang Cemerlang¹

¹ - Kisah Teladan: Abu Laith al-Samarqandi meriwayatkan dengan sanadnya dari Nasir bin Yahya berkata: Bahawa Nabi Daud AS terbiasa keluar dengan menyamar, lalu bertanya kepada seseorang tentang kelakuannya, maka pada suatu hari malaikat Jibril merupakan dirinya sebagai manusia sehingga ditegur oleh Nabi Daud: “*Hai pemuda, apakah pendapatmu tentang Daud?*” Jawabnya: “*Dia adalah sebaik-baik manusia dan hanya ada satu sifat yang kurang disenangi.*” Lalu ditanya: “*Apakah itu?*” Jawabnya: “*Dia*

Melihat kepada pelbagai tulisan dan pendapat berkaitan kriteria majikan yang cemerlang, maka kami garapkan seperti berikut, antaranya:

1. Memahami keadaan Pekerja

Majikan tidak semestinya memahami keseluruhan peribadi pekerja, akan tetapi cukuplah memahami keadaan emosi pekerja. Apabila pekerja dilihat berada dalam tekanan dan masalah, majikan boleh memberi nasihat atau mengadakan hari tertentu seperti hari keluarga untuk mengurangkan tekanan.

Kalaulah terlalu banyak dibelenggu dengan masalah keluarga, maka penyelesaian isu kekeluargaan hendaklah diutamakan. Majikan perlu memahami keadaan tersebut dan berikan kerjasama dalam perkara ini.

Nabi SAW bersabda:

« مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِّهِمْ، وَتَعَاطُفِهِمْ، وَتَرَاحُمِهِمْ، مَثَلُ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى سَائِرَ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحَتَّى »

Maksudnya: *Perumpamaan orang-orang beriman (sesama mereka) dari sudut kasih sayang, saling mengasihani dan berlemah lembut adalah seperti jasad yang satu, apabila mengadu satu anggota daripada badannya, maka akan terasa seluruh anggota badannya.* (Muslim. 2586)

menerima habuan dari Baitulmal, padahal tiada seorang hamba yang disayangi oleh Allah lebih daripada orang yang makan hasil tangannya sendiri." Kemudian kembalilah Nabi Daud AS ke mihrabnya sambil menangis memohon kepada Allah: "Ya Tuhan, ajarkan kepadaku usaha yang dapat aku kerjakan sehingga aku tidak lagi mengambil belanja dari Baitulmal." Maka Allah mengajarkan kepadanya membuat pakaian perang, dan membentuk besi di tangannya sehingga bagaikan adunan, maka apabila dia telah selesai dari melayani hajat rakyatnya ia kembali di rumah membuat baju besi dan dijual untuk belanja keluarganya. Demikianlah firman Allah yang bermaksud: "Dan Kami lembutkan besi untuk Daud, dan Kami ajarkan kepadanya membuat pakaian perang dari besi untuk memeliharamu (perisai) dari senjata di waktu perang." (Lihat *Bahr al-'Ulum*, al-Samarqandi, 2/435)

2. Memberi Sokongan atau Galakan Membina

Majikan hendaklah memberi dan membina kepercayaan terhadap pekerjanya. Hal ini dapat membangkitkan semangat dan motivasi mereka dalam memberikan sumbangan yang terbaik terhadap menyelesaikan sesuatu tugas yang diamanahkan. Cara memotivasikan ini jelas amat berkesan untuk meningkatkan lagi prestasi pekerjaan oleh pekerja. Lihatlah sejarah Rasulullah SAW memuji para sahabatnya sehingga mereka menjadi begitu unggul dan terbaik.

Nabi SAW bersabda:

« وَمَنْ صَنَعَ إِلَيْكُمْ مَعْرُوفًا فَكَافِيئُوهُ فَإِنْ لَمْ تَجِدُوا مَا تُكَافِيئُونَهُ فَادْعُوا لَهُ حَتَّى تَرَوْا
أَنَّكُمْ قَدْ كَفَأْتُمُوهُ»

Maksudnya: “Sesiapa yang melakukan kebaikan kepada kamu hendaklah kamu menghargainya. Jika kamu tidak mampu melakukan demikian maka berdoalah untuknya dengan kebaikan sehingga kamu dilihat seperti menghargainya”. (Abu Daud, 5109)

Dan sabda Nabi lagi:

«نِعْمَ عَبْدُ اللَّهِ خَالِدُ بْنُ الْوَلِيدِ، سَيْفٌ مِنْ سَيُوفِ اللَّهِ»

Maksudnya: “sebaik-baik manusia ialah Khalid bin Alwalid, beliau adalah pedang daripada pedang-pedang Allah”. (al Tirmizi: 5849)

3. Tidak Memilih-milih atau Berat Sebelah

Majikan hendaklah bersikap adil dengan memberi perhatian dan kerjasama kepada semua pekerja yang bertungkus lumus menaikkan nama syarikat atau organisasi. Ini amat penting kerana terlalu banyak perasaan kurang selesa dan tidak senang berlaku di kalangan pekerja tatkala sifat pilih bulu berlaku. Akhirnya ia membawa kepada kerosakan sistem kerja dan mengganggu produktiviti serta integriti pekerja.

Allah SWT berfirman:

Maksudnya: *dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum Dengan adil.*

4. Menjadi Sebahagian Daripada Pekerja

Majikan sewajarnya meletakkan diri sebagai sebahagian daripada pekerja bersama bawahannya dan tidak merasakan tinggi diri. Elakkanlah sikap merasa bahawa hanya mereka yang memberi sumbangan paling besar kepada organisasi atau syarikat. Majikan yang terbaik ialah yang dapat mengenali dan memahami sikap serta sifat pekerja masing-masing. Ini akan menatijahkan kejayaan yang cemerlang dalam operasi perkhidmatan tatkala berlaku satu-satu amanah dan tanggungjawab.

5. Mengurangkan Beban Dan Tekanan

Majikan yang baik akan cuba sedaya upaya untuk bertimbang rasa namun dalam masa yang sama tegas dengan pendirian dan keputusan yang dibuat. Ini amat penting dalam melancarkan operasi perkhidmatan yang cemerlang kerana *stress* boleh merencatkan keputusan kejayaan sesebuah organisasi bahkan boleh jadi menemui kegagalan.

6. Memikirkan Penyelesaian, Bukan Hanya Pada Masalah

Majikan tidak boleh hanya pandai menunding jari kepada para pekerja apabila timbul sesuatu masalah. Mereka hendaklah bijak mengawal situasi dan emosi seterusnya memimpin bawahannya dalam mencari solusi dan jalan penyelesaian terhadap sebarang permasalahan yang timbul. Mencari jawapan kepada permasalahan dan menyelesaikannya akan menjadikan keseronokan dalam bekerja kerana ia dianggap selesai dan mencapai sasaran serta matlamat.

7. Berterus- terang dengan Pekerja

Majikan perlu berterus terang berkenaan keadaan sebenar yang dihadapi oleh syarikat atau organisasi. Sebagai contoh berkenaan kadar emolumen, gaji, elaun, pemberian bonus, majikan berjanji memberi pada pertengahan tahun. Namun hingga akhir tahun, belum masuk lagi. Ini akan menyebabkan pekerja hilang fokus dan kepercayaan terhadap majikan. Oleh itu, majikan hendaklah

menerangkan situasi sebenar berkaitan keadaan ekonomi dan sebagainya. Ia berkemungkinan disebabkan oleh faktor kewangan syarikat, liabiliti dan sebagainya.

8. Mengadakan Mesyuarat

Dengan mengadakan mesyuarat, banyak masalah dan isu dapat diselesaikan dengan pantas. Mesyuarat yang baik adalah bersifat fokus dan mencari penyelesaian serta memilih pendapat yang terbaik dan relevan untuk dilaksanakan mengikut kadar kemampuan yang dimiliki oleh pekerja.

Allah SWT berfirman:

(وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ)

Maknanya: *Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang Yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang Dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa Yang Kami beri kepadanya;”(Syuura, 38)*

9. Jadikan Semua Orang Bertanggungjawab

Setiap orang perlu diberi kefahaman dan terma kerja yang akan dilakukan. Masing-masing perlu membuat semakan bersifat harian, mingguan atau bulanan. Makanya sudah tentu natijah dan produktiviti dihasilkan. Kesannya amat memberangsangkan. Merasa kebertanggungjawaban merupakan hal yang terpenting apabila seseorang pekerja menggalas tugas dan amanah yang diberikan kepadanya. Dengan cara ini, daripada serendah-rendah gred jawatan pekerja, hingga kepada majikan, masing-masing akan merasa mempunyai peranan serta tanggungjawab secara bersama.

Allah SWT berfirman:

(إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya). (Surah al-Nisa': 58)

Ibn Kathir berkata: “Allah khabarkan kepada kamu agar kamu laksanakan amanah kepada yang berhaknyanya.” (Lihat *Tafsir al-Quran al-‘Azim*, 1/637)

Al-Zamakhshari berkata: *Khitab ayat ini umum untuk semua mukallaf sebagaimana amanah itu umum bagi semua jenis hak berkaitan dengan zimmah sama ada hak-hak Allah atau hamba.* (Lihat *al-Kasyaf*, 1/405)

Rasulullah SAW bersabda:

"أَدِّ الْأَمَانَةَ إِلَى مَنْ أَدَّتْكَ، وَلَا تَخُنْ مَنْ خَانَكَ"

Maksudnya: “Tunaikan amanah kepada siapa yang mengamanahkan kepada kamu dan jangan kamu khianat siapa yang mengkhianati kamu.” (Riwayat Ahmad, 15424, Al-Tirmizi, 1264 dan Abu Daud, 3534)

Dalam konteks amanah yang diberikan kepada orang lain jika dia bertugas sebagai penyelia dan juga pengawal disamping bertanggungjawab atas pelaksanaan amanah tersebut, maka ia dibolehkan. Sebaliknya jika amanah tersebut diterima dan diberikan kepada yang lain tanpa mengambil sebarang tanggungjawab dan seliaan daripadanya, maka ia telah dikira mengabaikan amanah.

Nabi SAW bersabda:

"إِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمَانَةُ فَاَنْتَظِرِ السَّاعَةَ" , قَالَ : كَيْفَ إِضَاعَتُهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ ؟ قَالَ : " إِذَا أُسْنِدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَاَنْتَظِرِ السَّاعَةَ"

Maksudnya: “Apabila diabaikan amanah maka tunggulah saat kebinasaan. Lantas sabahat bertanya: “Bagaimana bentuk pengabaianya wahai Rasulullah?” Jawab Baginda: “Apabila diserahkan urusan kepada bukan ahlinya, maka tunggulah saat kebinasaan.” (Riwayat al-Bukhari, 6496)

Ibn Battal berkata: *Ucapan Nabi ini umum. Makanya Arab Badwi sebagai yang bertanya kepada Rasulullah SAW mahukan syarahannya serta perincian lantas sabda Nabi SAW: Apabila urusan diserahkan kepada yang bukan ahli dan berkeleyakan.*

Jawapan Nabi SAW umum termasuk padanya pengabaian amanah dan yang semakna dengannya serta tidak mengikut cara yang sebenarnya seperti menjadikan seseorang itu ulama' sedangkan dia jahil ketika kematian ahli ilmu. (Lihat Syarh Sahih al-Bukhari oleh Ibn al-Battal, 10/207)

Kesimpulan

Jaringan hubungan antara pekerja dan majikan hendaklah diperkukuhkan serta diperkasakan sentiasa. Hal ini akan menatijahkan rasa selesa, bahagia dan seronok ketika bekerja di samping ia mampu meningkatkan produktiviti.

Majikan hendaklah sentiasa menjaga kebaikan pekerja kerana dia adalah pihak yang akan menjalankan operasi yang dirancang oleh pihak organisasi. Jatuh bangun sesebuah organisasi adalah bergantung kepada komitmen yang dipersembahkan kepada organisasi majikan. Oleh itu jika kebajikan staf dijaga oleh pihak majikan, pasti matlamat dan target organisasi akan tercapai dengan jayanya.

Para pekerja di samping mendapat habuan dunia dengan gaji, elaun dan segala kemudahan lain, sewajarnya mengikhlaskan niat bekerja kerana Allah. Namun sesuatu yang lebih besar dari itu ialah memperolehi ganjaran pahala di sisi Allah SWT. Ini akan menjadikan segala urusan kehidupan diserahkan kepada Allah bagi mendapat keredaanNya

Nabi SAW bersabda:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Maksudnya: *Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima. (Riwayat Ibn Majah, 925)*

Rujukan:

1. Al Quran al Karim
2. Al Imam Ibnu Kathir, Tafsir al Quran al ‘Adzhim
3. Al Imam Zamakhshary, Tafsir al Kasyaf
4. Al Imam Bukhari, Sahih al Bukhari
5. Al Imam Muslim, Sahih Muslim
6. Al Imam al Tarmizi, Sunan al Tarmizi
7. Al Imam Abu Daud, Sunan Abu Daud
8. Al Imam Ibnu Majah, Sunan Ibnu Majah
9. Al Imam Ahmad, Musnad Ahmad
10. Al Imam Nawawi, Al Minhaj Syarh Muslim
11. Al Imam Aun Al Ma’bud
12. Al Munawi, Faidh al Qadir,
13. Al Imam Tajuddin Al Subki, Fatawa al-Subki,